

CNS7407

R GB 17-01 00177 BH299

aab

Persidangan - Mahathir

JAKARTA, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah antara beberapa tokoh antarabangsa yang dijemput untuk berucap pada satu persidangan ekonomi antarabangsa di Bali Mac ini, kata penganjurnya hari ini.

Persidangan tiga hari itu, yang bermula 3 Mac, akan dirasmikan oleh Presiden Suharto, dan bertujuan menarik para pelabur dari seluruh dunia, terutama dari Amerika Syarikat untuk melabur di negara-negara Asean.

Antara pemimpin-pemimpin lain yang dijemput berucap ialah Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Henry Kissinger.

Jusuf Wanandi dari Pusat Strategik dan Pengajian Antarabangsa (CSIS) yang beribu pejabat di Jakarta, berkata Menteri Kewangan Malaysia, Datuk Paduka Daim Zainuddin dan rakan sejawatannya dari Indonesia, J.B. Sumarlin dijangka membentangkan kertas kerja.

Ahli panel lain yang dijemput ialah Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas dan rakan sejawatannya dari Australia, Gareth Evans, anggota Parlimen Jepun, Michio Watanabe dan Setiausaha Rendah Dasar Pertahanan Amerika Syarikat Paul Wolfowitz, yang pernah berkhidmat sebagai duta ke Malaysia dan Indonesia. -- lagi

♥17/01/14-27MST

CNS7408

R GB 17-01 00080 BH300

aab

Persidangan - Mahathir 2 Jakarta

Encik Wanandi berkata, kira-kira 400 orang dijangka menghadiri persidangan itu yang akan membincangkan pelbagai isu mengenai ekonomi dan politik.

Ini termasuk isu mengenai cadangan pembentukan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), hubungan dua hala masa depan Asean dengan Eropah dan Amerika Syarikat dan arah aliran ekonomi antara rantau.

Persidangan itu ditaja oleh CSIS dan Persatuan Asia dengan kerjasama para penganjur korporat, termasuk Petronas. -- Bernama

♥17/01/14-27MST